



INTERNATIONAL JOURNAL OF
POLITICS, PUBLICS POLICY
AND SOCIAL WORKS
(IJPPSW)
www.ijppsw.com



**TAHAP KEYAKINAN GOLONGAN BELIA TERHADAP
KEBOLEHLAKSANAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DI
BAWAH PAKATAN HARAPAN (PH)**

*THE LEVEL OF CONFIDENCE OF YOUTHS IN THE FEDERAL
GOVERNMENT'S IMPLEMENTATION UNDER ALLIANCE OF HOPE*

Nur Ellyanis Mohd Basori¹, Junaidi Awang Besar^{2*}

¹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Email: p97279@siswa.ukm.edu.my

² Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Email: jab@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.10.2024

Revised date: 13.10.2024

Accepted date: 13.11.2024

Published date: 16.12.2024

To cite this document:

Basori, N. E. M., & Awang Besar, J. (2024). Tahap Keyakinan Golongan Belia Terhadap Kebolehlaksanaan Kerajaan Persekutuan Di Bawah Pakatan Harapan (PH). *International Journal of Politics, Publics Policy and Social Works*, 6 (15), 01-19.

DOI: 10.35631/IJPPSW.615001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) telah berjaya mencatatkan sejarahnya yang tersendiri apabila parti gabungan Pakatan Harapan (PH) telah berjaya menawan negara dan diangkat menjadi Kerajaan Persekutuan. Hal ini bermakna bahawa kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang telah 61 tahun memegang tampuk pemerintahan negara berjaya ditewaskan dalam PRU-14 yang penuh bersejarah. Walau bagaimanapun, pemerintahan dari PH terumbang-ambing dengan berlakunya 'Langkah Sheraton' pasca PRU-14 dan penularan virus COVID-19 yang memberi impak kepada negara. Disebabkan itu, isu-isu yang timbul pasca PRU-14 sedikit sebanyak menggusarkan mereka dalam menghadapi ketidakstabilan politik negara. Oleh itu, keyakinan pengundi belia kepada PH menunjukkan bahawa mereka mengharapkan parti itu dapat melakukan perubahan yang baik kepada negara terutama dari aspek sosioekonomi dan dalam masa yang sama dapat mengatasi isu-isu yang timbul dan isu-isu lama yang masih juga tidak dapat diselesaikan. Hasilnya mendapati bahawa keyakinan pengundi belia terhadap parti PH juga adalah tinggi kerana telah hilang kepercayaan kepada BN namun ada juga yang masih berbelah bahagi untuk memilih parti ini pada masa akan datang.

Kata Kunci:

Barisan Nasional, Pakatan Harapan, Pilihan Raya Umum ke-14, Pemulihan Sosioekonomi, Pengundi Belia

Abstract:

The 14th General Election (GE-14) has successfully recorded its own history when the Pakatan Harapan (PH) coalition party has successfully captured the country and been appointed as the Federal Government. This means that the leadership of the Barisan Nasional (BN) Government, which has held the reins of government for 61 years, was successfully defeated in the historic GE-14. However, the government from PH has been shaken by the occurrence of the 'Sheraton Step' after GE-14 and the spread of the COVID-19 virus which has an impact on the country. Because of that, the issues that arose after GE-14 to some extent irritated them in the face of the country's political instability. Therefore, the confidence of youth voters in PH shows that they expect the party to be able to make good changes to the country, especially from the socio-economic aspect and at the same time be able to overcome the issues that have arisen and the old issues that still cannot be resolved. The results found that youth voters' confidence in the PH party is also high because they have lost faith in BN, but some are still divided on whether to choose this party in the future.

Keywords:

Alliance Of Hope, The National Front, General Election 14, Socioeconomic Recovery, Youngers Voter

Pengenalan

Pasca Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) telah berjaya mengubah pelbagai aspek dalam landskap politik, ekonomi, sosial dan juga persekitaran semasa. Keadaan ini juga turut menyebabkan pelbagai isu yang timbul setelah berlaku pilihan raya terutama dalam kalangan generasi belia. Generasi belia seperti yang kita tahu merupakan golongan muda yang berusia di antara 15 tahun sehingga ke 40 tahun yang mana mereka merupakan generasi pelapis masa hadapan negara. Namun begitu, kewibawaan generasi ini masih lagi dipertikaikan kerana mereka dianggap sebagai generasi yang masih mentah dalam membuat sesuatu keputusan, tidak cakna dalam isu semasa yang sedang berlaku, mementingkan diri sendiri, suka memberontak, sukar mendengar nasihat dan ada juga yang dianggap sebagai penderhaka. Kebangkitan golongan ini juga berlaku disebabkan beberapa isu yang timbul dan juga dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan sehingga mereka cenderung untuk berubah. Antara isu yang menjadi perhatian seperti ekonomi, pendidikan, kes penyelewengan, kleptokrasi, penggubalan wang secara haram telah menyebabkan golongan ini berani bangun untuk mengekspresi pilihan mereka dalam PRU-14 (Bernama 2022 & Berita Harian 2024). Menurut Sloam (2017) generasi ini juga merupakan golongan kritikal dalam terhadap sesuatu isu yang timbul dan juga akan membuat keputusan di luar jangkauan semua pihak. Oleh itu, apabila sesuatu isu timbul golongan belia ini dianggap masih memandang dilihat memandang enteng terhadap sesuatu perkara. Namun begitu, pada PRU-14 yang lepas, suara generasi belia ini semakin diberi perhatian. Ramai pihak telah membuka mata kepada golongan ini yang telah berani berubah. Dalam kajian yang dilakukan oleh Ilham Centre juga mendapati bahawa golongan belia tidak mahu terikat dengan mana-mana parti politik lantas memberi peluang kepada mereka untuk

memilih dalam pilihan raya (Berita Harian 2024). Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk melihat isu dan aspek golongan belia dalam menyuarakan perihwal isu yang timbul pada pasca PRU-14, 2018 dan juga keyakinan mereka terhadap Kerajaan PH dalam menangani isu dan permasalahan yang timbul setelah mendapat mandat dari rakyat.

Kajian Literatur

Definisi golongan belia ini pelbagai mengikut sesebuah negara dan juga dengan keadaan semasa dan ianya tidak tetap malahan bersifat dinamik. Menurut Kamus Dewan Edisi Kedua menyatakan belia merupakan seseorang yang telah mencapai akil baligh. Bagi perspektif di Malaysia, golongan belia merupakan individu yang berusia antara 15 tahun sehingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, definisi belia ini juga berubah mengikut negeri-negeri di Malaysia. Contohnya seperti negeri Johor yang mana umur belia adalah individu yang berusia 15 hingga 30 tahun. Namun begitu, di negeri-negeri lain, umur belia masih lagi mengikut piawaian Malaysia.

Oleh itu, kajian golongan belia ini sekarang lebih dinamik dan juga sofistikated. Golongan belia kini semakin bersikap terbuka, berani mengambil tindakan dengan melakukan perubahan untuk diri sendiri dan juga mahukan kebebasan dalam memberi pandangan tanpa terikat dengan mana-mana pihak. Disebabkan itu jugalah kajian tentang golongan ini sentiasa dinamik dan baharu saban tahun kerana mereka lebih mudah berubah pandangan dalam kehidupan dan beradaptasi dengan persekitaran semasa. Hal ini menyebabkan kajian mengenai golongan belia sentiasa memiliki cabarannya namun ianya menarik untuk dikaji lebih mendalam terutama dalam politik dan pilihan raya (Sloam 2017; Sloam, Rakib & Henn 2018).

Politik belia di Malaysia juga tidak terkecuali dalam berhadapan dengan pelbagai situasi sebelum suara mereka didengari di peringkat lebih atas. Umumnya, sebelum PRU-14 berlangsung, suara golongan belia dipandang enteng kerana dianggap sebagai golongan yang tidak memberi manfaat. Pandangan dan cadangan mereka terus ditolak tepi kerana dianggap sebagai golongan kelas kedua. Hal ini disebabkan sifat golongan belia yang dianggap tidak mengambil berat mengenai hal ehwal semasa, politik dan disebabkan itu pendapat mereka tidak perlu diambil kira. Hal ini sama seperti yang telah dinyatakan oleh Noor Amirah Syazwani et al (2012) yang telah mengkaji bahawa kesedaran golongan belia dalam berpolitik semakin meningkat dan politik ini bukan lagi milik eksklusif kepada golongan yang berusia. Hal ini turut disokong oleh Yazid et al (2020) dengan menyatakan bahawa pengundi muda telah memiliki kesedaran kerana mampu menjadi seorang pengundi yang kritikal dan lebih memikirkan hal ataupun perkara yang mampu diberikan oleh parti politik kepada mereka. Oleh itu, mereka itu tidak akan mudah terpengaruh dengan politik sentimen perkauman yang sering dipegang oleh golongan veteran sehingga takut untuk melakukan perubahan.

Selanjutnya, politik belia di Malaysia ini telah berdepan dengan pelbagai situasi seperti sebelum PRU-14, pasca PRU-14 sehingga menjelang ke PRU-15 terutama dari segi penurunan had umur. Sebelum ini seseorang belia yang telah mencapai usia 21 tahun dibenarkan untuk melibatkan diri dalam politik dan pilihan raya dan akhirnya had umur itu telah diturunkan kepada 18 tahun. Hal ini menyebabkan jumlah penglibatan golongan belia semakin bertambah dan mereka akan dapat ikut serta dalam pembangunan negara. Menurut kajian yang telah dilaksanakan oleh Balqis Farhana dan Junaidi (2022), pindaan umur kelayakan pengundi 18 tahun telah memberi tanggungjawab baru yang besar kepada belia di Malaysia yang mana hak mengundi ini telah membuka ruang untuk golongan belia untuk terlibat sebagai pemilih bagi

PRU akan datang. Oleh itu, mereka berhak untuk bersuara dan juga menilai parti politik bertanding sebelum memberi undi dalam pilihan raya.

Penglibatan politik dan pilihan raya dalam kalangan belia khususnya golongan belia Melayu ini berlaku disebabkan faktor iaitu faktor keluarga, masyarakat dan media massa (Abdul Hadi et al 2023). Faktor keluarga memiliki signifikan sendiri dalam menentukan tindakan seseorang memandangkan kelompok ini merupakan ejen yang paling dekat dan dipercayai oleh seseorang individu sebelum bergaul dengan masyarakat di sekeliling. Untuk faktor masyarakat ianya adalah penduduk di sesebuah kawasan yang berada dalam kelompok dan saling berinteraksi sesama sendiri. Menurut Alex (2013), kewujudan masyarakat ini juga boleh mempengaruhi seseorang individu sekiranya mereka aktif dalam menjalankan sesuatu aktiviti dan ianya merupakan kaedah yang ampuh dalam mempengaruhi minat penduduk dalam politik. Dalam faktor media masa pula ianya merupakan media baru atau dikenali sebagai media sosial pada masa kini seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, *TikTok* dan sebagainya.

Peranan media sosial merupakan aspek yang penting dalam mempengaruhi aspek politik golongan belia. Hal yang demikian kerana, golongan belia memperoleh maklumat secara langsung menerusi kaedah ini kerana ianya lebih mudah diakses. Keating & Melis (2017) mendapati bahawa media sosial banyak melibatkan partisipasi golongan belia dalam berpolitik dan memberi pandangan tentang isu semasa. Hal ini menunjukkan bahawa platform media sosial lebih mesra untuk golongan muda dalam mengekspresi pandangan, memberi cadangan, bertukar buah fikiran dan juga mengkritik dalam sesuatu isu. Oleh itu, perkara ini disokong oleh Balqis Farhana dan Junaidi (2022) dalam kajian mengenai “Pandangan Belia Terhadap Isu Sosioekonomi dan Politik di Kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang” yang mana 92 peratus responden dalam kawasan itu bersetuju bahawa penggunaan media sosial telah menarik minat mereka terhadap isu sosioekonomi dan politik.

Seterusnya, dalam pandangan Ali et al (2018) menunjukkan bahawa kemunculan media baharu iaitu media sosial telah meningkatkan penyertaan politik dalam kalangan golongan belia. Menurut beliau lagi, media sosial telah bertindak sebagai ejen demokratik dalam menyampaikan maklumat tanpa ada halangan. Walau bagaimanapun, perkara ini juga telah menjadi medan untuk bertukar mod kebencian politik dalam PRU-14. Menurut Cinnasamy & Norain (2018) telah melihat bahawa platform media sosial boleh menimbulkan huru-hara, sebagai tempat menyebarkan berita palsu namun ianya menunjukkan minat yang tinggi dalam kalangan masyarakat untuk turut serta dalam partisipasi politik. Tambah beliau lagi, media sosial cukup berkuasa untuk mengubah persepsi rakyat dan sekali gus telah mewujudkan kebencian politik sesama sendiri.

Walaupun bagaimanapun, kebencian politik sesama sendiri ini adakalanya berpunca daripada maklumat palsu yang disebarkan di media sosial atau maklumat itu bersifat provokatif kerana ianya tidak disunting sebelum disiarkan. Perkara ini telah dinyatakan oleh Norazmina Najibah et al (2024) kerana sewajarnya pengguna bijak mentafsir maklumat dan kesahihan literasi maklumat politik yang disampaikan menerusi media sosial khususnya dalam kalangan belia wanita. Tambah beliau lagi berdasarkan hasil kajian yang diperoleh mendapati bahawa literasi kandungan politik adalah penting untuk menarik minat belia wanita dalam bidang politik selain itu dapat memberi kesedaran pentingnya penulisan sesuatu kandungan maklumat terutama maklumat politik kepada masyarakat.

Selain itu, kewujudan '*cybertroopers*' juga berperanan penting dalam menyebarkan maklumat politik. Fenomena ini telah wujud di seluruh dunia dan Malaysia juga tidak terkecuali. Kajian yang dilakukan oleh Nurul Iman (2023) telah mendapati bahawa fenomena ini sering dikaitkan dengan golongan belia memandangkan mereka merupakan golongan yang paling banyak melayari internet dan paling ramai menggunakan media sosial. Oleh itu, golongan ini dilihat mudah dipengaruhi oleh '*cybertroopers*' kerana ianya boleh memberi bahaya khususnya kesahihan maklumat yang dibawa dan pengaruh mereka dalam menarik golongan muda untuk menyertai '*cybertroopers*'. Hasil kajian yang beliau telah lakukan mendapati bahawa golongan belia wanita sebenarnya lebih cakna dengan kewujudan '*cybertroopers*' malahan lebih memahami gerakan ini jika dibandingkan dengan golongan belia lelaki.

Kecondongan golongan muda untuk menerima berita yang negatif ini amat tinggi memandangkan mereka lebih banyak terdedah dengan media sosial. Hal ini menyebabkan pengundi yang kali pertama terlibat dalam pengundian akan lebih mudah terpengaruh dengan berita palsu. Carvalho et al (2023) telah menegaskan bahawa cara orang ramai menceraip dan memproses maklumat berkaitan politik dan tingkah laku politik adalah berbeza-beza dan berlainan mengikut umur, pemahaman dan pengalaman mereka mengenai politik. Tambahan pula bagi pengundi muda, mereka lebih banyak menyerap dan mengemaskini persepsi politik mereka apabila didedahkan dengan berita bersifat negatif. Hal ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengundi muda khasnya pengundi pertama kali yang terlibat dalam pengundian kerana pada mulanya mereka tidak dapat berbuat keputusan atau lebih tepat lagi menjadi 'pengundi atas pagar' tetapi mula condong kepada parti politik tertentu disebabkan penyebaran berita negatif.

Dalam kajian politik belia wanita ini masih kurang diketengahkan, namun dalam kajian yang dilakukan oleh Siti Noranizahafizah (2019) mengenai politik golongan belia wanita telah mendapati majoriti daripada responden yang ditemui iaitu 416 orang atau 92.4 peratus tidak melibatkan diri sebagai ahli dalam parti politik. Hal ini menunjukkan tahap penglibatan politik mereka berada pada tahap yang pasif kerana mereka lebih banyak melibatkan diri dalam politik secara formal iaitu hanya mengundi dalam pilihan raya jika dibandingkan penglibatan mereka dalam aspek sebagai pembuat dasar dan juga memacu pembangunan negara. Perkara ini telah diketengahkan oleh Syarifah Shahirah (2022) yang melihat kekangan ini berlaku disebabkan amalan patriarki dan ideologi hegemoni maskuliniti telah menyebabkan kepimpinan dalam kalangan wanita sukar untuk diketengahkan dan ditonjolkan walaupun terdapat usaha dilakukan dalam kalangan NGO yang menuntut peningkatan jumlah wanita dalam kabinet selepas berakhirnya PRU-14.

Dalam kajian yang telah dibuat oleh Mohd Azmir dan Sabri (2019) telah menunjukkan bahawa penurunan had umur untuk mengundi kepada 18 tahun telah menyebabkan golongan belia kurang melibatkan diri dalam politik bersifat konvensional. Tambah beliau politik konvensional boleh ditakrifkan sebagai sebarang aktiviti yang berbentuk norma dalam politik termasuklah berkempen, menyertai parti politik dan bertindak sebagai pengundi. Disebabkan belia merupakan kelompok yang terbesar dalam masyarakat setelah had umur mengundi diturunkan ianya agak membimbangkan apabila melihat fenomena yang berlaku ini. Hal ini kerana, sekiranya berlaku secara berterusan keterlibatan belia dalam politik konvensional akan menurun termasuklah dalam pengundian (Sloam, 2016).

Selain itu, Junaidi (2024) telah mendapati yang golongan muda ini lebih banyak terlibat dalam PRU-15 yang berlangsung pada 19 November 2022. Walaupun ianya pengaruh dari media sosial seperti *TikTok* yang banyak menyiarkan berita-berita positif tentang Perikatan Nasional (PN), hasilnya golongan belia ini lebih cenderung memberi sokongan kepada PN dan terus mengundi calon dari parti tersebut. Oleh itu, PN berjaya meraih undi dari penyokong Melayu-Islam dan seterusnya menawan kerusi yang majoritinya adalah kawasan orang Melayu seperti di Pantai Timur (Kelantan dan Terengganu) dan kawasan Utara Semenanjung (Kedah dan Perlis).

Hal ini juga berkait dengan literasi politik golongan belia iaitu tahap celik politik golongan belia pada masa kini. Dalam laporan yang dikeluarkan oleh Awang Azman (2022) menerusi Utusan Sarawak mendapati bahawa literasi politik ini membawa kepada fasa politik yang matang, sejahtera dan lebih bertanggungjawab kerana golongan muda telah didedahkan menerusi media sosial dan internet tentang konsep politik, asas demokrasi, hak pengundi, pola politik dan sebagainya. Bagi Mursyid (2019) menyatakan literasi politik ini perlu dipupuk dari peringkat sekolah sehingga ke peringkat sekolah menengah dan dipupuk dengan lebih baik agar mencapai kematangan sehingga berada pada satu tahap golongan ini dapat menterjemahkannya menerusi pilihan raya. Malahan perubahan kerajaan pada PRU-14 juga telah dilihat sebagai kecelikan golongan belia dalam politik.

Disebabkan itu, literasi politik dalam kalangan golongan belia moden telah membuatkan mereka ini lebih cakna dan memahami hal politik dan perihal isu semasa yang sedang berlaku. Oleh itu, golongan belia ini telah menimbang-tara dan mereka berani dalam mengambil keputusan untuk berubah dalam politik. Pada pandangan Nur Ellyanis & Junaidi (2020), disebabkan kecairan sikap taat setia terhadap sesebuah parti politik yang menyebabkan golongan belia pada masa kini semakin berani untuk berubah. Golongan ini tidak lagi seperti golongan belia sezaman ibu dan bapa mereka yang masih menebal sikap taat setia itu. Disebabkan itu, belia generasi baru ini tidak lagi menghiraukan pandangan generasi lama yang melabelkan mereka sebagai penderhaka mahupun tidak mengenang jasa. Hal ini menunjukkan selain daripada keberanian yang tinggi dan sikap taat setia itu yang semakin menipis, golongan belia berani berubah kerana memiliki kuasa dalam menilai maklumat-maklumat yang diperolehi sama ada bersifat benar ataupun sebaliknya.

Selain literasi politik, faktor identifikasi parti dan politik juga menyebabkan golongan belia memilih sesebuah parti politik untuk kekal di kawasan yang diwakili oleh mereka dengan memberi undi dalam pilihan raya. Hal ini sama seperti kajian yang dijalankan oleh Junaidi (2018) yang melihat faktor identifikasi parti dan sentimen politik pembangunan oleh UMNO/BN menyebabkan kawasan Parlimen Kuala Kangsar dan Parlimen Sungai Besar dimenangi oleh parti tersebut dalam Pilihan Raya Kecil yang diadakan pada tahun 2016. Hal ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia masih lagi terikat dengan model identifikasi parti dan sentimen politik kerana telah berakar umbi. Namun, ianya telah berubah kini terutama dalam kalangan golongan belia yang tidak lagi taksu terhadap sesebuah parti politik yang bertanding.

Menurut Muhammad Marwan & Supyan (2022) telah mendapati bahawa golongan Melayu lebih banyak terikat dengan faktor identifikasi parti sosiologi. Hal ini kerana, mereka akan memilih parti politik yang berteraskan Melayu iaitu BN atau PAS dan juga masih terikat dengan ideologi yang diterapkan oleh parti ini sejak sekian lama. Namun, pada PRU-14, parti

yang berteraskan perkauman ini tidak bertahan kerana pengundi telah mengetahui kemahuan dan keinginan mereka dan dalam masa yang sama mahu menjatuhkan UMNO/BN yang mana pemimpinnya terlibat dengan isu dan skandal yang telah mencalarakan imej parti. Dengan kejatuhan UMNO/BN, parti itu tidak lagi menjadi parti yang dominan sebaliknya parti itu perlu bekerja keras untuk meraih sokongan dan kepercayaan dari orang ramai.

Disebabkan itu Sloam et al (2022) telah menekankan bahawa gerakan sosial dalam kalangan belia ini luar biasa kerana mereka mampu menuntut janji-janji dari kalangan pemimpin politik terutamanya tentang pemeliharaan alam sekitar, pelepasan karbon. Malahan pemimpin politik lain di seluruh dunia juga telah mengambil langkah dengan bertemu pemimpin-pemimpin belia ini bagi mengetahui keinginan dan kemahuan mereka dalam hala tuju keadaan negara dan juga isu semasa berkaitan dengan alam sekitar. Hal ini kerana gelombang aktivisme golongan belia bergerak dengan pantas dan pemimpin politik wajar meraih kepercayaan golongan ini demi kelangsungan politik masing-masing.

Disamping itu, dalam kajian yang dinyatakan oleh Mohamad Agus & Muhammad Mashril (2019) dalam PRU-14 mengenai kekalahan Barisan Nasional (BN) adalah disebabkan GST, 1MDB, rasuah dan kos sara hidup yang semakin meningkat. Selain faktor ini sebagai penyumbang utama, faktor aktor '*soft-intervention*' juga memainkan peranan penting. Tambah beliau lagi '*soft intervention*' ini adalah tangan aktor kuasa halus dalam mempengaruhi rakyat untuk menjatuhkan BN. Ianya terdiri daripada ahli akademik, golongan profesional, kartunis, dan masyarakat sivil yang mempengaruhi rakyat melalui penerapan idea demokrasi supaya rakyat sedar tentang keperluan untuk membawa perubahan kepada negara. Disebabkan itu, tidak mustahil mereka ini aktif memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat dan mempengaruhi masyarakat sebelum PRU-14 berlangsung. Bagi golongan muda dan golongan pengundi atas pagar yang mudah terpengaruh ini akan bertindak memberi sokongan kepada Pakatan Harapan (PH) dalam PRU-14 sekaligus membenamkan kepimpinan BN yang telah bertahan selama 61 tahun.

Namun begitu, krisis politik yang berlaku ini juga telah mendorong kepada kejatuhan PH setelah bertahan selama 22 bulan. Keadaan ini berpunca daripada tindak tanduk parti itu semasa mentadbir negara. Menurut Dettman (2020) isu seperti ICERD yang diutarakan untuk membolehkan Malaysia meratifikasi kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sehingga menjantik emosi golongan Melayu, kematian anggota bomba semasa rusuhan yang berlaku di kuil Hindu di Seafielde telah mengganggu gugat golongan Melayu. Isu ini juga menyebabkan Kerajaan PH mula ditolak dan akhirnya riwayat kerajaan ini terkubur sebelum tempoh mandat pemerintahan tamat apabila hilang kepercayaan dan 'Langkah Sheraton' berlaku. Perikatan Nasional (PN) telah dibentuk oleh blok pembangkang antara parti BERSATU, PAS dan BN telah mentadbir negara sehingga sebelum PRU-15 berlangsung. Menurut Wan Saiful (2020) walaupun pada asalnya BERSATU bersama dengan PH semasa memenangi PRU-14, parti itu meninggalkan parti komponen itu disebabkan tindakan pemimin komponen parti itu, ketidakstabilan dalaman dan tidak mahukan Dato' Seri Anwar Ibrahim diangkat menjadi Perdana Menteri kerana tidak mempercayai kepimpinan tokoh politik itu.

Bagi Muhammad Shahrul & Muhammad Nazri (2022), PH berhadapan dengan beberapa isu utama seperti isu kepimpinan, hubungan antara parti komponen PH yang longgar serta hala tuju mereka yang kabur selepas daripada peristiwa 'Langkah Sheraton' pada awal tahun 2020. Hal ini kerana, kesan dari peristiwa ini menyaksikan PH kurang berjaya dalam parti-parti


pembangkok sebelum ini terutamanya dalam konteks kesepaduan. Malahan Shahrul & Muhammad Nazri (2022) melihat PH sejak pasca ‘Langkah Sheraton’ telah berdepan pelbagai jenis halangan bagi memperkukuhkan semula gabungan tersebut di peringkat dalaman atau menjalinkan hubungan yang erat dengan parti-parti pembangkang yang lain bagi mencapai matlamat untuk kembali menguasai kerajaan sama ada melalui politik mahupun pilihan raya. Oleh itu, PH perlu membina hubungan yang kukuh dengan parti komponen dalaman agar mereka dapat bersiap sedia untuk mengharungi PRU-15.

Walaupun krisis politik ini telah berlaku, namun parti PH ini bangkit semula pada PRU-15 dibawah kepimpinan Dato’ Seri Anwar Ibrahim. Parti ini memperoleh sokongan padu dari orang ramai terutamanya golongan belia yang tinggal di bandar, golongan profesional dan golongan bukan Melayu. Menurut Chin (2023), walaupun PRU-15 ini dijalankan selepas pasca penularan virus COVID-19, pemimpin itu menjadi pilihan dalam kalangan parti komponen PH untuk diangkat menjadi Perdana Menteri memandangkan beliau merupakan seorang yang telah banyak mengharungi cabaran dalam gelanggang politik dan kemunculan semulanya dalam politik adalah luar biasa. Hal ini kerana beliau dipecat dari sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1998 dan ianya mengambil masa 24 tahun untuk beliau memegang jawatan tertinggi di Malaysia. Bagi generasi ‘*Millennials*’ yang membesar dengan pemerintahan duo Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato’ Seri Anwar telah melihat sewajarnya pemimpin PKR itu diberi peluang bagi membuktikan pengalaman yang diperolehnya selama ini boleh digunakan untuk mentadbir negara.

Justeru, pada pandangan Junaidi et al (2020), peranan belia ini semakin penting dalam pembangunan membentuk sesebuah negara yang mana mereka terlibat sama dalam proses sosioekonomi dan sosiopolitik. Walaupun sebelum ini golongan belia sentiasa dilebelkan sebagai tidak memiliki pendirian yang tetap dalam berpolitik namun kini ianya tidak lagi. Hal ini juga dibuktikan menerusi kajian Junaidi et al (2023) yang melihat pengundi muda lebih banyak menyokong PN pada PRU-15 sehingga membentuk ‘tsunami politik hijau’.

Metod Kajian Dan Kawasan Kajian

Bagi penulisan artikel ini, penggunaan kaedah kualitatif dan kuantitatif telah digunakan bagi memantapkan kajian dan seterusnya dapat mengukuhkan perbincangan kajian yang dilakukan. Data kuantitatif merupakan data berangka yang mana borang soal selidik digunakan untuk memperoleh maklumat daripada responden yang terpilih di sesuatu kawasan kajian. Bagi data kualitatif iaitu merupakan data yang diperolehi daripada kaedah yang tidak berstruktur menerusi temu bual tetapi memiliki skop-skop yang lebih mendalam tentang isu yang dibincangkan. Kaedah temu bual ini dijalankan secara tematik yang mana informan-informan ini terdiri daripada informan yang arif tentang isu politik setempat dan ada yang memegang jawatan dalam parti politik di kawasan kajian. Data kuantitatif dan kualitatif yang digunakan dalam penulisan ini diperolehi dari sumber primer iaitu hasil tinjauan (*survey*) bersama dengan responden dan juga temu bual dengan informan yang terpilih. Data sekunder yang diperolehi adalah dengan menggunakan rujukan sekunder bahan-bahan bercetak sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan menerusi sumber rujukan atas talian iaitu kertas kerja, artikel, buku prosiding, buku rujukan ilmiah dan blog.



Rajah 1: Carta Alir Metod Kajian

Sumber: Kajian Lapangan (2020 & 2021)

Dalam kawasan kajian ini adalah negeri Kedah melibatkan lima buah Parlimen yang terpilih iaitu Parlimen Padang Terap (P007), Parlimen Alor Setar (P009), Parlimen Pendang (P011), Parlimen Jerai (P012) dan Parlimen Baling (P016). Justifikasi pemilihan kawasan kajian ini berdasarkan kedudukan kawasan kajian, corak pengundian yang berbeza-beza dalam kalangan belia sehingga menunjukkan kemenangan parti politik yang berbeza-beza di setiap kawasan kajian yang terpilih. Jenis persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah bukan keberangkatan secara sistematik yang mana jumlah responden yang terpilih adalah sebanyak 1002 orang yang terdiri daripada golongan belia yang berusia 21 tahun hingga 40 tahun.



Rajah 2: Peta Lokasi Kawasan Kajian

Sumber: Diubah Suai Dari SPR (2018)

Hasil Kajian

Profil Demografi

Dalam kajian ini, responden yang terpilih terdiri daripada 1002 orang yang mana sebanyak 602 orang adalah lelaki dan 400 orang perempuan. Majoriti responden yang ditemui adalah golongan yang telah berkahwin iaitu sebanyak 52.7 peratus dan rata-ratanya berusia 26 hingga 30 tahun (32.1 peratus). Responden yang berbangsa Melayu paling ramai terlibat dalam kajian ini iaitu sebanyak 49 peratus, diikuti dengan responden berbangsa lain-lain (23.2 peratus). Responden Cina hanya mencatatkan peratusan sebanyak 16.6 peratus dan responden berbangsa India adalah 11.3 peratus. Oleh itu, responden beragama Islam lebih banyak mendominasi peratusan yang tertinggi dalam kajian ini iaitu sebanyak 54.6 peratus.

Bagi tahap pendidikan pula menunjukkan bahawa responden yang memiliki tahap pendidikan sehingga ke peringkat menengah paling ramai ditemui iaitu 58.9 peratus dan diikuti dengan responden memperoleh pendidikan ke peringkat kolej/universiti (35.6 peratus). Oleh itu, responden yang bertugas sebagai kakitangan awam adalah golongan paling ramai ditemui iaitu sebanyak 31.3 peratus manakala kakitangan swasta mencatatkan peratusan kedua tertinggi (23.2 peratus). Dari segi pendapatan isi rumah, sebanyak 37.7 peratus responden memperoleh

pendapatan sekitar RM 2,001 hingga RM 3,000 yang lebih ramai ditemui. Jumlah responden yang ditemui di kelima-lima buah Parlimen di negeri Kedah adalah hampir sekata. Profil demografi dalam kajian ini telah diringkaskan seperti Jadual 1.

Jadual 1: Profil Demografi

Latar belakang sosioekonomi responden	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	602	60.1
Perempuan	400	39.9
Status Perkahwinan		
Bujang	352	35.1
Berkahwin	528	52.7
Janda	45	4.5
Duda	77	7.7
Umur		
21-25	207	20.7
26-30	322	32.1
31-35	238	23.8
36-40	235	23.5
Bangsa		
Melayu	491	49.0
Cina	166	16.6
India	113	11.3
Lain-lain	232	23.2
Status Agama		
Islam	547	54.6
Buddha	262	26.1
Hindu	100	10.0
Kristian	93	9.3
Tahap Pendidikan Tertinggi		
Tidak Bersekolah	6	0.6
Sekolah Rendah	49	5.5
Sekolah Menengah	590	58.9
Kolej/Universiti	357	35.6
Pekerjaan		
Kakitangan Kerajaan	314	31.3
Kakitangan Swasta	232	23.2
Kilang	59	5.9
Buruh	10	1.0
Sendiri/Berniaga	98	9.8
Pelajar	58	5.8

Suri Rumah	92	9.2
Petani	139	13.9

Pendapatan Isi Rumah

< RM 1,000	105	10.5
RM 1,001 – RM 2,000	285	28.4
RM 2,001 – RM 3,000	378	37.7
RM 3,001 – RM 4,000	141	14.1
> RM 4,001 dan ke atas	93	9.3

Parlimen

Padang Terap	201	20.0
Alor Setar	201	20.0
Pendang	200	20.0
Jerai	200	20.0
Baling	200	20.0

JUMLAH**1002 100**

Sumber: Kajian Lapangan (2020 & 2021)

Isu Utama yang Mendapat Perhatian Masyarakat Pasca PRU-14

Usai PRU-14 berlangsung, terdapat banyak isu berlegar-legar dalam kalangan masyarakat disebabkan tidak berpuas hati dengan sesuatu perkara yang timbul mahupun polisi atau dasar diketengahkan oleh kerajaan baharu. Keadaan ini menyebabkan responden yang ditemui mahukan pihak kerajaan menangani permasalahan yang timbul kerana sekiranya isu ini tidak diambil peduli, ianya tidak akan dapat ditangani dengan lebih mampan. Tambahan pula, rakyat yang akan paling terkesan sekiranya isu yang timbul tidak ditangani segera sehingga akan memberi kesan kepada perkara-perkara lain.

Jadual 2: Isu Utama yang Mendapat Perhatian Masyarakat Pasca PRU-14 (Peratus Ya)

Bil	Isu Utama	%	Bil	Isu Utama	%
1.	COVID-19/ <i>Lockdown</i>	100	6.	Jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar	86.5
2.	Harga barangan meningkat	97.9	7.	Hak ketuanan Melayu dan keadilan untuk kaum lain	78.3
3.	Peluang pekerjaan	97.9	9.	Kestabilan politik	75.8
4.	Beban kos sara hidup	97.3	10.	Isu alam sekitar	73.6
5.	Jurang pendapatan antara kaum	86.5	11.	Kepimpinan	73.1

Sumber: Soal selidik 2020 & 2021

Berdasarkan Jadual 2, isu yang paling banyak diketengahkan dan mendapat perhatian masyarakat dalam kawasan kajian selepas berakhirnya PRU-14 adalah COVID-19 dan juga '*lockdown*'. Hal ini kerana, selepas PRU-14 penularan virus berlaku sekitar penghujung tahun 2019 dan awal tahun 2020 sehingga menjejaskan aktiviti penduduk di seluruh dunia. Pengedaran vaksin dilakukan dengan tidak sistematik dan kegagalan kerajaan untuk menangani

penularan virus sehingga ramai rakyat yang terkorban telah menyebabkan isu ini sering dibahaskan dan dikritik oleh hampir semua masyarakat di media sosial. Hal ini belum lagi dengan kenyataan putar belit telah dilakukan oleh Menteri Kesihatan ketika itu – YB Khairy Jamaluddin Abu Bakar mengenai pengambilan dos vaksin (Muhammad Yusri 2021). Penularan virus ini amat membimbangkan kerana boleh membawa maut malahan ia juga turut menjejaskan situasi Malaysia pada ketika itu yang sedang mengalami krisis politik. Tambah responden, mereka mahukan kerajaan mengambil langkah proaktif dalam menangani permasalahan ini dan juga dalam masa yang sama membantu rakyat yang berada dalam keadaan kesusahan kerana penularan wabak yang membawa maut ini.

Isu yang seterusnya adalah dari segi peningkatan harga barangan yang mana menunjukkan 97.9 peratus responden menyetujuinya. Hal ini juga berkaitan dengan pasca penularan virus dan juga isu harga minyak dunia yang meningkat. Tambahan pada ketika itu kerajaan bercadang untuk menyemak semula subsidi yang diberikan dan perkara ini mencetus kebimbangan untuk rakyat dalam menghadapi hari yang mendatang. Peningkatan harga barangan ini boleh memberi kesan kepada kuasa membeli dalam kalangan rakyat terutamanya kepada mereka yang memiliki sumber pendapatan yang rendah dan tidak tetap. Kenaikan harga barang ini juga turut diburukkan apabila sesebuah negara mengalami inflasi yang tinggi sehingga memberi kesan kepada rakyat keseluruhannya.

Isu yang lain adalah berkaitan dengan peluang pekerjaan (97.9 peratus) yang merupakan isu yang banyak mendapat perhatian masyarakat setelah PRU-14 berakhir. Isu ini sentiasa berlegar dalam kalangan masyarakat sejak dari pemerintahan BN sebagai Kerajaan Persekutuan sehingga PH berjaya menjadi Kerajaan Persekutuan. Peluang pekerjaan yang ada kini sangat terhad dan semakin memburuk apabila penularan virus berlaku. Hal ini kerana, ramai rakyat yang dibuang kerja memandangkan had operasi di beberapa sektor telah dikurangkan, skop pekerjaan dkecilkan dan ada majikan yang tidak dapat menampung bayaran gaji pekerja kerana operasi tidak dapat dijalankan secara maksimum. Disamping itu, krisis politik berlaku juga menyebabkan pelabur tidak berani untuk melabur di dalam negara kerana ketidakstabilan politik yang berlaku dan ianya memberi kesan kepada peluang pekerjaan yang boleh ditawarkan oleh pelabur ini. Hal ini juga telah menjadi kegusaran kepada rakyat memandangkan ketidakstabilan politik ini juga telah memberi kesan kepada peluang pekerjaan dan perasaan mereka juga berbelah bahagi untuk memilih PH pada PRU yang akan datang.

Apabila peluang pekerjaan dan harga barangan meningkat, isu kos sara hidup turut menjadi perhatian masyarakat yang mana sebanyak 97.3 peratus menyatakan bahawa beban kos sara hidup adalah isu yang sukar untuk mereka tangani. Beban kos sara hidup ini semakin meningkat saban tahun hingga menyebabkan ada yang perlu berjimat cermat dan merancang pembelian barangan keperluan mereka. Keadaan ini sekiranya berlaku secara berterusan ianya akan menyukarkan rakyat untuk menabung dan menyimpan untuk kegunaan ketika kecemasan. Oleh itu, situasi sebegini sekiranya tidak ditangani dengan segera ianya juga turut menjejaskan keadaan ekonomi semasa dalam negara.

Bagi jurang pendapatan antara kaum dan jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar pula menunjukkan peratusan yang sama iaitu sebanyak 86.5 peratus. Hal ini kerana responden melihat bahawa jurang ini sememangnya wujud sejak zaman pemerintahan BN lagi dan ianya semakin melebar saban tahun. Kewujudan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilihat tidak membawa apa-apa perubahan kepada kaum Melayu khususnya dan juga pengagihan hasil kekayaan yang

tidak dilakukan sama rata. Keadaan ini telah mewujudkan ketidakseimbangan antara masyarakat yang ada di Malaysia ini dan seterusnya bukan saja memberi kesan kepada sektor ekonomi namun ianya boleh memberi kesan kepada organisasi sosial dalam sesebuah masyarakat.

Bagi isu yang paling kurang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat adalah tentang isu alam sekitar menduduki tangga kedua terakhir (73.6 peratus). Hal ini kerana isu alam sekitar berlaku di negeri Kedah jarang sangat diketengahkan berbanding dengan negeri lain. Walaupun di sesetengah kawasan di negeri itu giat menjalankan aktiviti pembalakan. Walau bagaimanapun penduduknya masih menganggap aktiviti itu dilakukan secara minima dan berada dalam pemantauan pihak berkuasa. Malahan ada juga yang menyatakan bahawa isu alam sekitar yang berlaku di kawasan kajian terpilih ini tidak memberi impak yang besar. Hal ini kerana bencana alam sangat jarang berlaku terutamanya dalam skala yang besar dan ini membuatkan penduduk merasakan terdapat isu yang lebih besar wajar diberi perhatian berbanding dengan isu alam sekitar.

Yang terakhir sekali adalah berkaitan dengan isu kepimpinan yang mencatatkan peratusan sebanyak 73.1 peratus. Isu ini sangat kurang menjadi perhatian masyarakat kerana pada pandangan mereka, cara kepimpinan ahli-ahli politik ini adalah berbeza-beza mengikut seseorang individu. Oleh kerana pemimpin politik di kawasan DUN atau Parlimen akan bertukar ganti setiap penggal, maka penduduk di situ tidak mengambil kisah isu ini. Jika pemimpin itu kekal untuk penggal akan datang, penduduk di kawasan itu sudah mengetahui cara kepimpinan ahli politik atau parti politik tersebut. Tambahan pula mereka tidak kisah pemimpin politik baharu yang menjadi wakil rakyat di kawasan mereka asalkan pemimpin tersebut tahu melakukan kerjanya, cakna dengan permasalahan rakyat dan dapat menangani isu-isu yang timbul.

Tahap Keyakinan Rakyat Terhadap Kebolehlaksanaan Kerajaan PH dalam Pembangunan Sosioekonomi

Pemilihan PH dalam menjalankan mandat telah menunjukkan bahawa pengundi belia mahu melakukan perubahan dalam pentadbiran negara serta menginginkan kepimpinan baharu. Hal ini membuktikan bahawa pemilihan PH telah meyakinkan rakyat dalam menjalankan mandat untuk tempoh lima tahun akan datang. Pemilihan PH ini selain daripada untuk bereksperimen, pengundi juga menaruh keyakinan kepada parti ini untuk melancarkan pentadbiran negara setelah berada dibawah kepimpinan Kerajaan BN. Tambahan pula, penukaran parti lain membuktikan bahawa negara kita mengamalkan sistem demokrasi dan pemilihan ini sudah pastinya akan memberi penambah baikkan kepada sosioekonomi negara dan juga kesejahteraan kepada rakyat.

Jadual 3: Tahap Keyakinan Rakyat terhadap Kebolehlaksanaan Kerajaan PH terhadap Pembangunan Sosioekonomi (Peratus)

SY: Sangat Yakin Y: Yakin TP: Tidak Pasti TY: Tidak Yakin STY: Sangat Tidak Yakin

Bil	Tahap Keyakinan Rakyat terhadap Kebolehlaksanaan Kerajaan PH terhadap Pembangunan Sosioekonomi	SY (%)	Y (%)	TP (%)	TY (%)	STY (%)
1.	Dapat mempertahankan perlembagaan dan kedaulatan negara	3.9	28.6	44.7	18.9	3.9
2.	Dapat menjaga keselamatan negara	2.9	26.3	47.3	20.6	2.9
3.	Dapat menjaga sosioekonomi (Pendidikan, kos sara hidup, peluang pekerjaan, harga barang dll)	5.0	25.2	46.3	17.6	5.9
4.	Menjamin perpaduan kaum	2.5	23.6	51.1	20.4	2.5
5.	Memartabatkan agama Islam	1.4	21.6	50.9	22.9	3.3
6.	Dapat menjamin kestabilan politik	2.0	21.4	47.4	25.1	4.1
7.	Membela kepentingan semua kaum di Malaysia	1.4	23.2	51.4	21.1	1.4
8.	Dapat menunaikan janji-janji pilihan raya	1.5	13.9	46.1	27.9	10.6

Sumber: Soal selidik 2020 & 2021

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan bahawa tahap keyakinan rakyat terhadap kebolehlaksanaan Kerajaan PH adalah dapat mempertahankan perlembagaan dan kedaulatan negara menunjukkan 28.6 peratus memilih yakin. Hal ini kerana perlembagaan dan kedaulatan negara merupakan asas yang penting sebagai panduan dalam memelihara keharmonian negara. Walaupun sebelum PRU-14 berlangsung, pihak BN sentiasa momokkan tentang PH yang bakal mengganggu gugat keharmonian negara sekiranya parti itu berjaya mendapat mandat tetapi pengundi yang memilih dapat menilai perkara baik dan buruk. Hal ini kerana pihak BN cuba menakutkan rakyat agar terus memberi sokongan kepada parti itu pada PRU-14 supaya mereka dapat terus berkuasa. Disebabkan itu pengundi belia lebih yakin bahawa PH mampu mentadbir negara dengan lebih baik dan tidak mengambil kisah dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh BN sebelum ini. Malahan, golongan ini tidak mudah tertipu dengan taktik lapuk parti itu dan lebih yakin memilih PH pada PRU-14.

Seterusnya, sebanyak 26.3 peratus responden menyatakan bahawa mereka yakin yang Kerajaan PH dapat menjaga keselamatan negara. Hal ini kerana keselamatan negara berada pada tahap yang maksimum dan orang ramai masih berasa selamat dan aman berada di negara sendiri. Tambahan pula, responden berpendapat semasa Kerajaan BN memegang tampuk pemerintahan negara juga Malaysia pernah berdepan dengan Konfrontasi yang dilakukan oleh Indonesia dan juga pencerobohan tentera Sulu di pantai timur Sabah tetapi perkara itu berjaya diatasi. Oleh itu, Kerajaan PH yang memegang pemerintahan negara juga sudah tentu dapat menangani hal berkaitan keselamatan negara seperti mana yang pernah dilakukan oleh kerajaan sebelum ini.

Sebanyak 25.2 peratus responden memilih yakin bahawa PH mampu menjaga sosioekonomi seperti pendidikan, kos sara hidup, peluang pekerjaan, harga barang dan sebagainya untuk kesejahteraan rakyat. Menurut pengundi belia, sepanjang mereka berada di bawah kepimpinan Kerajaan BN keadaan sosioekonomi langsung tidak berubah. Peningkatan harga barang yang

meningkat, kos sara hidup yang semakin membebankan dan inflasi lagi yang mencengkam kehidupan seharian. Peluang pekerjaan yang semakin kurang juga menyebabkan golongan belia ini berasa marah dan kecewa dengan kepimpinan terdahulu dan mahukan perubahan kerana sudah bosan. Hal ini membuatkan responden merasakan Kerajaan PH mampu untuk mengubah dan menambah baik hala tuju keadaan negara.

Namun begitu, terdapat juga indikator yang mencatatkan peratusan terendah. Antaranya adalah membela kepentingan semua kaum di Malaysia yang kedudukannya berada di tangga kedua terakhir. Sebanyak 23.3 peratus yang dicatatkan dalam indikator ini. Pada pandangan responden yang ditemui menyatakan bahawa mereka tahu mana-mana parti politik yang diangkat menjadi Kerajaan Persekutuan akan terus membela kepentingan semua kaum di Malaysia. Lagi pula mereka yakin kepentingan semua kaum akan terjamin di bawah perlembagaan yang ada.

Bagi indikator yang mencatatkan peratusan terendah dalam kajian ini yang mana sebanyak 13.9 peratus responden memilih yakin bahawa Kerajaan PH dapat menunaikan janji-janji pilihan raya. Pada pandangan responden, janji-janji dalam pilihan raya itu hanyalah kosmetik untuk mencantikkan manifesto yang telah dirangka. Oleh itu, masyarakat tidak kisah perihai janji ini sama ada ditunaikan atau pun tidak kerana boleh dikatakan majoriti pemimpin politik sememangnya lebih banyak memungkirkan janji berbanding dari menunaikan janji tersebut sejak dahulu lagi. Namun begitu, pada PRU-14 rata-ratanya menyokong dengan tindakan kerajaan PH yang menunaikan janji seperti dalam manifesto iaitu menghapuskan GST. Perkara ini turut dinyatakan oleh Informan 7 walaupun tidak kesemua janji-janji dalam manifesto ditunaikan:

“Dalam manifesto depa janji nak buang GST terus kalau menang dan depa tunaikan janji. Walaupun PH ni tak tunai semua janji dia tapi dia ada buat juga dari manifesto dia untuk tunai janji-janji macam hapus GST tu. Yang tu paling orang tunggu.”

(Informan 7, DUN Alor Mengkudu, Parlimen Alor Setar, 28 Mei 2020)

Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap keyakinan golongan belia terhadap Kerajaan Persekutuan dibawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) adalah berbelah bahagi memandangkan kali pertama PH memegang pentadbiran negara. Tambahan pula, perasaan bimbang itu tetap ada sekiranya pilihan yang dilakukan itu salah walaupun tindak tanduk pemimpin PH dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap negara akan sentiasa diperhati, dihakimi dan juga dikritik oleh masyarakat Malaysia. Mereka mengakui bahawa mahu mencuba pentadbiran baru bagi menggantikan Kerajaan Barisan Nasional (BN) namun tetap mahu memberi peluang kepada PH mentadbir negara mengikut acuan kepimpinan dari parti itu. Mereka melihat parti ini juga boleh mentadbir negara dan mampu membawa negara ke arah lebih baik walaupun keadaan politik negara tidak stabil. Oleh itu, golongan belia juga berharap agar pemimpin yang dipilih ini boleh mentadbir negara dengan lebih cemerlang lagi dan seterusnya mengembalikan status Malaysia ke arah yang lebih tinggi dan dihormati oleh semua pihak.

Penghargaan

Beberapa penemuan dalam artikel ini sebahagiannya berdasarkan tesis Doktor Falsafah pengarang pertama.

Rujukan

- Abdul Hadi Samsi, Mohd Izani Mohd Zain & Nik Ahmad Sufian Burhan. (2023). Faktor pendorong penglibatan belia Melayu dalam proses pilihan raya di Malaysia. *Sains Insani*. 8(2): 304-309.
- Alex, V. W. (2013). Pentingnya pendidikan politik muda terhadap pelaksanaan partisipasi politik di Distrik Samofa Kabupaten Biak Numfor. *Politico: Jurnal Ilmu Politik*. 2(6): 1-16. <https://media.neliti.com/media/publications/1123-ID-pentingnya-pendidikan-politik-generasi-muda-terhadap-pelaksanaan-partisipasi-poli.pdf>.
- Ali Salman, Mohd Azul Mohamad Salleh, Mohammad Agus Yusoff & Mohd Yusof Abdullah. (2018). Political engagement on social media as antecedent for political support among voters in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 34(2): 152-165.
- Awang Azman Awang Pawi. (2022). Literasi politik suburkan demokrasi. *Utusan Sarawak*. <https://utusanarawak.com.my/literasi-politik-suburkan-demokrasi/>
- Balqis Farhana Ismayudin & Junaidi Awang Besar. (2022). Pandangan Belia Terhadap Isu Sosioekonomi dan Politik di Kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*. 6(4): 1-20.
- Bernama. (2022). Analisis: Pengundi muda masih 'atas pagar', namun berpotensi jadi 'king maker'. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/analisis-pengundi-muda-masih-atas-pagar-namun-berpotensi-jadi-king-maker-385445>
- Berita Harian. (2024). Pengundi muda tak mahu terikat dengan mana-mana parti politik – *Ilham Centre*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2024/04/1238498/pengundi-muda-tak-mahu-terikat-mana-mana-parti-politik-ilham-center>.
- Carvalho, B., Custódio, C., Geys, B., Mendes, D & Peralta, S. (2023). Information, perceptions, and electoral behaviour of young voters: A randomised controlled experiment. *Electoral Studies*. 84(5): 1-13.
- Cinnasamy, S. & Norain Abdul Manaf. (2018). Social media as political hatred mode in Malaysia's 2018 General Election. *SHS Web of Conferences*. 53: 1-12. DOI: <https://doi.org/10.1051/shsconf/20185302005>.
- Chin, J. (2023). Anwar's long walk to power: The 2022 Malaysian General Elections. *The Round Table*. 112(1): 1-13. DOI: <https://doi.org/10.1080/00358533.2023.2165303>.
- Dettman, S. (2020). Authoritarian innovations and democratic reform in the "New Malaysia". *Democratization*. 27(6): 1037-1052.
- Informan 7. (2020). Tingkah Laku dan Sentimen Politik Belia terhadap Pilihan Raya Umum ke-14 di Negeri Kedah Darul Aman. Temu bual 28 Mei 2020.
- Junaidi Awang Besar. (2024). Faktor Sokongan Pengundi Kaum Melayu kepada Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke- 15, 2022. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*. 1(1): 436-445. DOI: <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.37>.
- Junaidi Awang Besar, Lyndon, N. & Aajirah Hanim Abdul Halim. (2023). Pilihan Raya Umum (PRU) Negeri Di Malaysia 2023: Satu analisis geografikal dan sosiologikal. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. 8(34): 22-37.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Mohd Syukri Zainuddin. (2020). Pola sokongan belia Melayu dalam PRU-14 di beberapa DUN terpilih dalam negeri Kedah. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*. 4(4): 150-163.

- Junaidi Awang Besar. (2018). Pengaruh identifikasi parti dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016. *Journal of Administrative Science*. 15(3): 1-41.
- Keating, A. & Melis, J. (2017). Social media and youth political engagement: Preaching to the converted or providing a new voice for youth? *British Journal of Politics and International Relations*. 19(4): 877-894. DOI: 10.1177/1369148117718461.
- Mohd Azmir Mohd Nizah & Sabri Mohamad Sharif. (2019). Undi 18: Belia dan Politik Konvensional. *Seminar Tamadun, Etnik dan Turath ISLAMI (i-STET)*. 304-310.
- Mohd Mursyid Arshad. (2019). Literasi politik belia Malaysia. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/27676/khas/pendapat/literasi-politik-belia-malaysia>.
- Mohammad Agus Yusoff & Muhammad Mashril Abdul Jalil. (2019). Pengaruh aktor campur tangan halus dalam PRU-14. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. 46(2): 178-195.
- Muhammad Marwan M. Shukrimun & Supyan Husin. (2022). Tingkah Laku Pengundian Etnik Melayu Pada Pilihan Raya Umum Ke-14. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*. 19(1): 248-261. DOI: 10.17576/ebangi.2022.1901.17.
- Muhammad Shahrul Shahabudin & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2022). Politik dan Pilihan Raya Pakatan Harapan pasca Sheraton, 2020-2022. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 7(11): 1-18. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1935>
- Muhammad Yusri Muzamir. (2021). 'Kita akan susahkan urusan antivaksi.' – KJ. *Berita Harian Online*. Dicapai di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/876792/kita-akan-susahkan-urusan-antivaksin-kj-pada-15-Mei-2023>.
- Norazmina Najibah Mohd Sani, Nor Azura Adzharuddin & Mastura Mohamed. (2024). Kajian Pengetahuan Kesihatan Literasi kandungan Maklumat Politik di laman sosial Facebook di kalangan wanita Belia di Malaysia. *EDUCATUM-Journal of Social Science*. 10(1): 1-15.
- Noor Amira Syazwani AR, Mohd Rozaimy R & Sharifah Syahirah SS. (2012). Persepsi Golongan Belia mengenai Personaliti, Pentadbiran dan Dasar Najib Tun Razak. *Universiti Teknologi MARA (UiTM) Malaysia*. 66(7): 10-20.
- Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar. (2020). Politik belia dan Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*. 17(7): 49-65.
- Nurul Iman Iwan. (2023). Pemahaman Belia Malaysia terhadap Politik Cybertroopers: Kajian tinjauan di Selangor dan Perak. *Jurnal Perspektif*. Special Edition. 15: 50-66.
- Sloam, J., Mohammad Raqib Ehsan & Henn, M. (2018). 'Youthquake': How and why young people reshaped the political landscape in 2017. *Political Insight*, 4(1), 4-8.
- Sloam, J. (2017). Younger voters politically energised, but the generation divide deepens. In Thorsen, T., Jackson, D. & Lilleker, D. *UK Election Analysis 2017: Media, Voters and the Campaign*, hlm 20.
- Sloam, J. (2016). Diversity and voice: The political participation of young people in the European Union. *British Journal of Politics and International Relations*. 18(3), 521-537. <https://doi.org/10.1177/1369148116647176>.
- Siti Noranizahfizah Boyman. (2019). Kecenderungan politik dalam kalangan belia wanita di Perak. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*. 16(7): 1-15.

- Syarifah Shahirah Syed Shikh. (2022). Patriarki, Politik Malaysia dan Pilihan Raya Umum. *Journal of the Malaysian Parliament*. 2(1): 1-28.
- Wan Saiful Wan Jan. (2020). *Why Did BERSATU Leave Pakatan Harapan? Series: Trends in Southeast Asia*. Singapura: ISEAS-Yusof Ishak Institute.
- Yazid Salleh et al. (2020). Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*. 16(1): 80-94.